



Ruj.: KPM.400-4/10/11 JLD.2 (52)

Tarikh: 18 Mac 2021

Semua Pengetua
Sekolah Berasrama Penuh

YBhg. Datin/Dr./Tuan/Puan,

RALAT KETETAPAN BILANGAN HARI PERSEKOLAHAN UNTUK KUTIPAN YURAN MAKAN ASRAMA (YMA) BAGI SEKOLAH BERASRAMA PENUH TAHUN 2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat BPSBP: KPM.400-4/10/11 JLD. 2 (50) bertarikh 9 Mac 2021.

2. Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP) mendapati bahawa berlaku ralat dalam penetapan bilangan hari persekolahan bagi Sekolah Berasrama Penuh (SBP). BPSBP memutuskan ketetapan kutipan YMA adalah berdasarkan kepada Jadual 7, Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012 selaras dengan kemasukan murid pada bulan April 2021. Oleh yang demikian, bilangan hari persekolahan adalah sebanyak 181 hari bagi negeri Kumpulan A (Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu) dan negeri Kumpulan B (Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Labuan dan WP Putrajaya).

3. SBP di Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan pula dikecualikan daripada kutipan YMA selaras dengan perenggan 4.6 pada Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012. Kadar kutipan YMA pula adalah kekal seperti berikut:

Jumlah Pendapatan Ibumapa/Penjaga (RM Sebulan)	Kadar YMA (RM Sehari)
5,000.00 dan ke atas	3.00
4,999.00 dan ke bawah	1.00

(Sumber: Perkara 4.4 Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012)

4. Berdasarkan kepada bilangan hari persekolahan yang baru, jumlah kutipan YMA untuk murid SBP bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Jumlah Pendapatan Ibumapa/Penjaga (sebulan)	Kadar YMA (RM Sehari)	Negeri Kumpulan A (RM)	Negeri Kumpulan B (RM)
RM5,000.00 dan ke atas	3.00	543.00	543.00
RM4,999.00 dan ke bawah	1.00	181.00	181.00

5. Dalam hal ini, perenggan empat pada surat BPSBP: KPM.400-4/10/11 JLD. 2 (45) bertarikh 4 Januari 2021 dan surat BPSBP: KPM.400-4/10/11 JLD. 2 (50) bertarikh 9 Mac 2021 adalah **TERBATAL**. SBP diingatkan untuk memanjangkan pemakluman kutipan YMA kepada ibu bapa/penjaga agar proses kutipan YMA dapat berjalan dengan lancar. SBP juga diingatkan bahawa tiada pengenaan YMA semasa hari peperiksaan selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012, perenggan 2.1 (d) "menampung bayaran makanan semasa peperiksaan SPM, STPM dan STAM selama 20 hari".

6. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Datin/Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi **Encik Henry Borromeo anak Nyirop** di talian **03 – 8321 7476** atau **Cik Mardhiyyah binti Zulkifli** di talian **03 – 8321 7514**.

Segala perhatian pihak YBhg. Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SHAMSUDDIN BIN MUSTAPHA)

Timbalan Pengarah (Sektor Perancangan & Penyelidikan)
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia

Salinan Kepada:

1. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Cawangan Bantuan 1
Bahagian Kewangan
Kementerian Pendidikan Malaysia